

Mohon keluhan didengar

Penduduk tidak puas hati kerja pembersihan parit tidak sempurna

TANJONG KARANG - Berikutan masih tiada tindakan proaktif diambil pihak terbabit untuk menjalankan kerja pembersihan lebih sempurna di parit utama di Kampung Seri Tiram Jaya, di sini sekali gus menimbulkan rungutan penduduk.

Lebih dikesalkan, kerja menebas rumput didakwa hanya dibuat ala kadar di kawasan tebing manakala rumput yang ada di dalam parit dibiarkan begitu sahaja tanpa dibersihkan.

Penduduk, Z.Anizan Mohd Rawian, 43, berkata, kebanyakan penduduk tidak berpuas hati dengan kerja pembersihan parit itu kerana ia tidak membantu melancarkan perjalanan air seperti yang diharapkan.

Menurutnya, parit utama yang ada di kampung itu amat penting untuk membawa keluar lebih air dari petak sa-




Z.ANIZAN

wah dan jika ia gagal berfungsi seperti yang diharap, akan menimbulkan masalah kepada pesawah.

“Perkara ini sudah dibangkitkan kepada pihak berkenaan dan hanya kerja menebas rumput di tebing sahaja dilakukan menjadikan ia tidak setimpal dengan kos yang diperuntukkan.

“Lebih mengecewakan, keadaan parit yang masih di-



MOHD JANI

penuhi rumput itu hanya akan menyebabkan tanaman padi terjejas lebih-lebih lagi ketika air melimpah memenuhi parit pada musim hujan,” katanya.

Z.Anizan berkata, masalah utama yang akan timbul adalah petak sawah akan terus digenangi air untuk tempoh lama sehinggakan benih padi tidak boleh membesar sempurna.

“Ini akan menimbulkan



Kawasan parit yang masih belum dibersihkan sehingga menimbulkan rungutan penduduk.

kerugian kepada pesawah. Sewajarnya masalah ini diberi perhatian pihak berwajib dengan kadar segera,” katanya yang pernah mendedahkan isu sama namun tiada tindakan.

Sebelum ini, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan

dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) Kampung Seri Tiram Jaya, Mohd Jani Rasimon, 70, ketika ditemui penduduk berkata, kerja pembersihan itu tiada kaitan dengan JKKP selepas Pakatan Rakyat (PR) mentadbir nege-

ri ini.

“Meskipun ia bukan bidang kerja JKKP lagi, namun saya masih menerima rungutan penduduk yang tidak berpuas hati n berhubung kerja pembersihan parit yang dijalankan sejak akhir Oktober lalu. Bagaimanapun, kita hanya akan mengemukakan aduan kepada pihak berkenaan supaya dapat menjalankan kerja dengan baik setimpal dengan kos yang dikenakan kerana baki rumput masih bersisa di dalam parit.

“Kalau kerja hanya meracun dan menebas rumput di atas air tidak akan membantu melancarkan pengaliran air bahkan menimbulkan masalah kepada lebih 200 pesawah yang terlibat di Blok F,R,T,U dan X. Bahkan keadaan itu hanya akan menyebabkan berlaku hakisan parit lebih teruk dan menyusahkan penduduk,” katanya.